

16 MAY 2004
Everest-Tiba
DUA PENDAKI MUDA MALAYSIA TIBA DI PUNCAK EVEREST

SHAH ALAM, 16 Mei (Bernama) -- Dua pendaki muda negara -- Ahmad Reduan Rozali dan Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin -- tiba di Puncak Everest pada 10.50 pagi waktu Malaysia hari ini.

Kejayaan dua penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) menawan puncak gunung itu disahkan oleh Naib Canselor UiTM Datuk Seri Prof Ibrahim Abu Shah yang dihubungi di sini.

Prof Ibrahim berkata kedua-dua pendaki itu kini selamat dan masih bersemangat tinggi.

"Alhamdulillah, mereka selamat. Saya bersyukur, mereka selamat. Mana tidaknya, mula-mula saya risau juga apa akan terjadi kepada mereka," katanya.

Ahmad Reduan dan Muhammad Muqharabbin yang dilaporkan berjaya menjejakkan kaki ke puncak gunung setinggi 8,848 meter itu menyertai cabaran ekspedisi Demi Negara Ke Everest 2004 dengan diiringi ketua ekspedisi merangkap jurulatih pendakian Mohd Fauzan Hassan.

Ahmad Reduan, 22, adalah pelajar kursus Diploma Sains Gunaan manakala Muhammad Muqharabbin, 22, pelajar kursus Diploma Kesihatan dan Kecergasan di UiTM.

Sebelum mendaki Gunung Everest, kedua-dua pelajar itu pernah diiringi Mohd Fauzan menjalani latihan pendakian lanjutan di Wanaka, New Zealand dari 30 Julai hingga 20 Ogos tahun lepas.

Prof Ibrahim berkata kedua-dua pendaki itu dijangka turun dari puncak gunung berkenaan dan tiba di base camp pada 23 Mei ini.

Beliau berkata UiTM bercadang mengadakan program khas sebagai menyambut kejayaan kedua-dua pendaki itu setibanya mereka di Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan dijemput ke majlis berkenaan.

Sementara itu, Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah berikutan kejayaan Ahmad Reduan dan Muhammad Muqharabbin.

"Alhamdulillah. Itu kecemerlangan di kalangan yang terbilang. Untuk capai ke puncak Himalaya, bukan semua orang boleh buat," kata

Abdullah.

Beliau berharap kedua-dua pendaki itu akan pulang ke tanah air dengan selamat.

Di PUTRAJAYA, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad turut berbangga dengan kejayaan dua pelajar UiTM itu mendaki Gunung Everest dan berharap ia menjadi pendorong kepada cabaran baru.

"Saya ucapkan tahniah," katanya ketika menghadiri majlis perkahwinan anak lelaki pasangan ketua pegawai keselamatan kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Yaakob Zain dan isteri Harrison Mohd Noor, di Presint 8, di sini.

Dr Mahathir berkata berkat ketekunan dan ketabahan Ahmad Reduan dan Muhammad Muqharabbin akhirnya mereka berjaya mendaki gunung tertinggi di dunia.

"Saya yakin ia (kejayaan pendakian) meyakinkan semua anak muda (untuk menyahut cabaran yang sama)," katanya.

Dr Mahathir berkata banyak lagi cabaran lain boleh disahut dan diikuti golongan muda dan pelajar jika mereka mempunyai minat, ketekunan dan disiplin yang tinggi terhadapnya.

"InsyaAllah, ada banyak lagi cabaran lain mesti dicuba, tak semestinya naik gunung... seperti berenang atau pergi ke Kutub Selatan."

"Lontarkan cabaran ke Kutub Selatan pula selepas ini," katanya.

-- BERNAMA

RIZ ROS